



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 15 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **6,095 kes** (765,800 kes kumulatif, 86.9%);
- Kes baharu : **13,215 kes** (880,782 kes kumulatif);
- Kes import : **13 kes** (7 warganegara, 6 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **13,202 kes** [10,845 warganegara (82.1%); 2,357 bukan warganegara (17.9%)];
- Kes aktif : **108,369 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **885 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **432 kes**;
- Kes kematian : **110 kes** (6,613 kes kumulatif, 0.75%; 95 warganegara, 15 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,168 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **26 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,295 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **873 kluster**.

Daripada 13,215 jumlah kes harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak 8,047 kes (60.9 peratus) adalah daripada kategori 1 (tidak bergejala), 4,637 kes (35.1 peratus) kategori 2 (bergejala ringan), manakala selebihnya iaitu sebanyak 531 kes (4.0 peratus) adalah kategori 3 hingga kategori 5. Ini menunjukkan sebahagian besar daripada kes positif COVID-19 yang dilaporkan pada hari ini adalah daripada kumpulan tidak bergejala dan bergejala ringan.

Sebanyak **110 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **45 kes** di Selangor, **23 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **11 kes** di Negeri Sembilan, **tujuh (7) kes** di Johor, **lima (5) kes** di Pahang, masing-masing **empat (4) kes** di Kedah dan Sarawak, masing-masing **tiga (3) kes** di Melaka dan Kelantan, **dua (2) kes** di Sabah, serta masing-masing **satu (1) kes** di Pulau Pinang, Perak, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T (STATUS SEHINGGA 14 JULAI 2021)

Berdasarkan data terkini pada **14 Julai 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak **1.19**. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Terengganu (nilai R_T 1.40). Manakala negeri-negeri lain yang mencatatkan R_T melebihi 1.0 adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (nilai R_T 1.31), Kedah (nilai R_T 1.19), Selangor (nilai R_T 1.18), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (nilai R_T 1.17), Pahang (nilai R_T 1.16), Melaka (nilai R_T 1.15), Negeri Sembilan (nilai R_T 1.13), Pulau Pinang (nilai R_T 1.10), Sabah (nilai R_T 1.06), Johor (nilai R_T 1.05), dan Perak (nilai R_T 1.04).

Nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

15 Julai 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	6,120 (7)	307,094
WP KUALA LUMPUR	1,499 (5)	94,336
JOHOR	599	76,636
SABAH	370	73,506
SARAWAK	363	70,228
NEGERI SEMBILAN	1,603 (1)	57,359
PULAU PINANG	509	37,803
KELANTAN	255	36,976
KEDAH	695	30,695
PERAK	344	30,115
MELAKA	484	23,619
PAHANG	222	17,405
TERENGGANU	70	12,251
WP LABUAN	26	9,331
WP PUTRAJAYA	53	2,814
PERLIS	3	614
JUMLAH KESELURUHAN	13,215 (13)	880,782

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 110 kes kematian pada 15 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian		Sejarah Penyakit
		Lelaki	Perempuan	WN	BWN	Hospital	BID	
Selangor	45	21	24	38	7	42	3	37
WP Kuala Lumpur	23	9	14	16	7	14	9	15
Negeri Sembilan	11	5	6	11	-	11	-	10
Johor	7	3	4	7	-	7	-	7
Pahang	5	3	2	5	-	5	-	4
Sarawak	4	3	1	4	-	3	1	3
Kedah	4	2	2	4	-	3	1	4
Melaka	3	-	3	3	-	3	-	3
Kelantan	3	-	3	3	-	3	-	3
Sabah	2	1	1	1	1	2	-	2
Pulau Pinang	1	1	-	1	-	1	-	1
WP Labuan	1	1	-	1	-	-	1	1
Perak	1	-	1	1	-	1	-	1
Jumlah	110	49	61	95	15	95	15	91

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

* BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 13,215 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 15 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	6,120	264	4,060	7	1,789
NEGERI SEMBILAN	1,603	134	884	1	584
WP KUALA LUMPUR	1,499	267	702	5	525
KEDAH	695	107	360	-	228
JOHOR	599	308	211	-	80
PULAU PINANG	509	266	124	-	119
MELAKA	484	172	195	-	117
SABAH	370	115	148	-	107
SARAWAK	363	145	167	-	51
PERAK	344	114	142	-	88
KELANTAN	255	173	39	-	43
PAHANG	222	73	93	-	56
TERENGGANU	70	36	27	-	7
WP PUTRAJAYA	53	2	43	-	8
WP LABUAN	26	2	19	-	5
PERLIS	3	-	3	-	0
JUMLAH KESELURUHAN	13,215	2,178	7,217	13	3,807

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 15 JULAI 2021**

No	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah disaring
1	Industri Teknologi Cheng Satu	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	68	299
2	Jalan Anggerik Muar	Tempat Kerja	Johor	Muar	68	162
3	Industri Jalan Perusahaan Lima	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	48	360
4	Industri Jalan Besi Satu	Tempat Kerja	Johor	Kulai	45	360
5	Salak Land	Tempat Kerja	Sarawak	Kuching	41	187
6	Persiaran Tun Perak	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	29	169
7	Industri Batu 34 Dengkil - Banting	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	27	91
8	Jalan Angkasa Mas Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	18	67
9	Persiaran Anggun	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	16	69
10	Jalan Seri Utara	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	14	22
11	Satu Timur	Tempat Kerja	Selangor	Sabak Bernam	14	45
12	Bintang Meranti	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai, Kepong, Titiwangsa, Cheras	13	211
13	Lebuh Tanjung Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	12	41
14	Industri Dewani Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	7	54
15	Jalan Pinang	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai dan Titiwangsa	7	98
16	Sri Sabah	Komuniti	WP Kuala Lumpur	Cheras	91	627
17	Desa Temuan	Komuniti	Selangor	Petaling	55	91

18	Kota Klias	Komuniti	Sabah	Beaufort	44	71
19	Taman Pelangi Kluang	Komuniti	Johor	Kluang	17	116
20	Jalan Kampung Permatang Pasir	Komuniti	Kelantan	Bachok	14	24
21	Langkap	Komuniti	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	12	109
22	Tembok Pengkalan Chepa 2	Pusat Tahanan	Kelantan	Kota Bharu dan Machang	105	589
23	Tembok Ayer Keroh	Pusat Tahanan	Melaka	Melaka Tengah, Jasin, dan Alor Gajah	42	120
24	Pagar Tropika Satu	Pusat Tahanan	Johor	Johor Bahru	34	138
25	Jalan Gombak 3	Pendidikan Tinggi	Selangor	Gombak	62	527
26	Lingkar Wawasan	Pendidikan Tinggi	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	40	118

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 14 JULAI 2021**

NEGERI	NILAI R_T
TERENGGANU	1.40
WP PUTRAJAYA	1.31
KEDAH	1.19
SELANGOR	1.18
WP KUALA LUMPUR	1.17
PAHANG	1.16
MELAKA	1.15
NEGERI SEMBILAN	1.13
PULAU PINANG	1.10
SABAH	1.06
JOHOR	1.05
KELANTAN	1.05
PERAK	1.04
SARAWAK	0.92
WP LABUAN	0.84
PERLIS	0
MALAYSIA	1.19